

Konsert rock tetap haram

9 SEP 1986

KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini menegaskan bahawa pertunjukan konsert rock di tempat awam tetap diharamkan bagi menyekat merebaknya kelakuan liar di kalangan anak-anak muda Malaysia.

Beliau, yang juga Menteri Dalam Negeri, bagaimanapun berkata konsert rock masih boleh ditayangkan di televisyen dan pemuzik rock boleh mengadakan pertunjukan mereka di tempat-tempat tertentu.

Oleh NAZAR ABDUL dan MAHFAR ALI

"Pada umumnya kita tidak menentang muzik rock dan orang ramai boleh mendengarnya di rumah. Tetapi, apabila diadakan di tempat umum, setengah-setengah anak muda berkelakuan liar dan tingkah laku mereka tidak langsung mencerminkan keperibadian rakyat Malaysia," katanya ketika mengulas pengharaman muzik rock di beberapa negeri.

Menurut Perdana Menteri, kemewahan dan kesejahteraan negara ini tidak akan berkurangan disebabkan ketiadaan muzik rock.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sebenarnya bukan muzik rock yang ditentang tetapi kelakuan buruk yang ditunjukkan oleh mereka yang mendengarnya.

"Apabila persembahan muzik rock diadakan di tempat awam, anak-anak muda menjadi liar dan kurang sopan kerana terlompat-lompat dan kelihatan seperti bukan rakyat Malaysia," katanya.

Walaupun media elektronik menayangkan konsert rock, Perdana Menteri berpendapat ini tidak boleh dipersalahkan kerana televisyen juga menayangkan pelbagai program mengenai

perpaduan dan kejiranan, tetapi tidak pula mempengaruhi muda-mudi.

"Sebenarnya anak-anak muda sekarang terlalu seronok dengan muzik rock kerana orang putih buat macam itu," tambahnya.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Encik Anwar Ibrahim, pula berkata tindakan mengharamkan konsert rock harus dibuat secara menyeluruh, meliputi penayangan di media elektronik, khususnya televisyen.

Encik Anwar berkata, tindakan mengharamkan pertunjukan muzik rock di luar atau tempat awam sahaja tidak akan memberi makna jika televisyen masih menyiarkan rancangan seumpama itu.

Bagaimanapun, katanya, Pemuda Umno pada umumnya tidak terlalu memandang negatif terhadap muzik rock.